

02/02/2003

Malaysia maju ikut acuan sendiri

Andrew Cohen

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah mengepalai transformasi negaranya. Beliau memperkenalkan dan melaksanakan polisi rangka kerja yang dibuat bagi memakmurkan negara ini menjadi masyarakat maju. Beliau menggalakkan pelaburan asing terutama dalam bidang teknologi tinggi

dan baru-baru ini melancarkan inisiatif bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar bagi membolehkan mereka bersaing dalam dunia pekerjaan pada masa akan datang. Atas usahanya juga infrastruktur pengangkutan dan komunikasi seluruh negara yang bertaraf kelas satu diwujudkan, serta peningkatan dalam pelaburan asing.

Pada peringkat politik, satu yang masih mengisi minda Perdana Menteri ialah parti pembangkang, Pas. Dr Mahathir berulang kali menyuarakan kebimbangannya terhadap dasar ekstremis yang didakwanya dilaksanakan parti itu.

Perdana Menteri sendiri mengakui program tindakan afirmatif yang diambil untuk masyarakat Melayu yang menjadi majoriti - polisi Bumiputera

- tidak seperti yang dijangkakan. Dalam satu wawancara dengan wartawan majalah Global Agenda, ANDREW COHEN di pejabatnya di Putrajaya, Perdana Menteri memberikan jawapan kepada beberapa persoalan yang dikemukakan. BARU-BARU ini, Datuk Seri memperkatakan mengenai dasar Malaysia terhadap tindakan afirmatif - mengatakan ia telah gagal, selepas dilaksanakan beberapa dekad, bagi memberi peluang kaum Melayu terbabit dengan perniagaan, rajin dan berdikari. Bagaimana Datuk Seri memastikan kaum majoriti di Malaysia ini lebih maju dari segi ekonomi?

Tindakan afirmatif tidak berjaya seperti jangkaan objektifnya, tetapi itu tidak bermakna tindakan afirmatif itu salah. Ia adalah tindakan yang

betul asalkan seseorang itu dapat menerima bahawa ada sesetengah orang yang akan berasa terbatas untuk berasa puas kerana mereka didiskriminasi bagi memberi peluang kepada orang lain. Malangnya, bilangan yang berasa puas lebih ramai daripada mereka yang telah mencapai kemajuan.

Tetapi jika tidak ada tindakan afirmatif keadaan sekarang mungkin akan jadi lebih teruk. Terima kasih kepada tindakan afirmatif disebabkan tidak ada rusuhan kaum di antara orang Melayu dan Cina sewaktu krisis kewangan tahun 1997/98 kerana tindakan afirmatif telah memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi antara mereka. Tetapi tindakan afirmatif itu seharusnya sudah mencapai lebih daripada itu. Perkara penting sekarang ialah menerangkan dengan lebih jelas kenapa diwujudkan tindakan afirmatif.

Adakah dengan merombak tindakan afirmatif mengancam kestabilan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum?

Kami masih belum mencapai objektifnya. Jadi kalau tindakan afirmatif dihentikan sekarang, keadaan akan menjadi lebih teruk dan mungkin

menyebabkan ketidakstabilan.

Jadi tindakan afirmatif akan tetap dilaksanakan?

Ia akan diteruskan, tetapi kita akan mencari jalan menjadikannya lebih berkesan.

Apakah matlamat utama yang hendak dicapai supaya tindakan afirmatif ini dapat dihentikan?

Ia akan lenyap apabila masyarakat Bumiputera berupaya bersaing dengan kaum lain.

Adakah Datuk Seri yakin ini akan berlaku?

Ya, ia akan berlaku suatu hari nanti.

Datuk Seri membayangkan parti pembangkang Pas sebagai ancaman kepada demokrasi. Pada masa sama Datuk Seri berkata bahawa demokrasi tidak boleh digunakan untuk menghancurkan demokrasi. Haruskah Pas walau dengan apa cara sekalipun dipastikan tidak berkuasa?

Masalah dengan kumpulan ini ialah mereka tidak Islamik langsung.

Mereka

semata-mata berlindung di sebalik agama dan sentiasa menyalah tafsir bagi

kepentingan mereka. Oleh kerana parti ini berasaskan agama, kedudukan kami

mungkin memberi peluang kepada mereka untuk berkembang. Dalam sistem demokrasi, sama ada anda kalah atau menang bergantung kepada majoriti.

Dan

tidak mustahil dengan membuatkan orang menjadi fanatik terhadap sesuatu perkara, bukan saja ideologi - seseorang itu boleh mendapat sokongan majoriti.

Tetapi adakah Datuk Seri bersedia untuk melakukan perkara yang tidak demokratik bagi memastikan parti pembangkang Islam ini tidak berkuasa?

Kami berasa cara paling baik bukanlah menggunakan langkah-langkah keras.

Sebaliknya kami akan cuba memperbetulkan salah tanggapan terhadap Islam yang disebar oleh mereka. Kami berasa kami boleh melakukannya.

Pengkritik berkata, Datuk Seri menggunakan Tragedi 11 September 2001 sebagai alasan untuk menindas parti pembangkang. Bagaimana Datuk Seri bertindak balas terhadap kritikan ini?

Kami sudah mengambil tindakan terhadap kumpulan al-Qaeda dan satu lagi kumpulan yang digelar al-Maunah, sebelum Tragedi 11 September lagi dan kami mungkin akan meneruskannya. Ia adalah untuk kepentingan negara dan kita akan menghentikan sebarang keganasan dan penggunaan keganasan bagi menggulingkan kerajaan. Parti pembangkang boleh menggunakan maklumat ini untuk meraih sokongan. Tetapi jika mereka menggunakan taktik keganasan untuk menggulingkan kerajaan dengan kaedah persenjataan, kita akan bertindak.

Setakat ini, walaupun golongan yang mahu menggunakan kekerasan untuk menggulingkan kerajaan mungkin atau tidak terdiri daripada parti pembangkang, tetapi apa yang dilihat mereka bertindak sendiri. Kami masih

belum dapat mengaitkan kumpulan keganasan ini dengan parti pembangkang. Kami mengambil tindakan terhadap mereka yang menggunakan kekerasan sejak sebelum Tragedi 11 September lagi.

Mungkin Tragedi 11 September secara kebetulan, tetapi kita tidak bergantung kepada 11 September langsung. Kami akan tetap mengambil

tindakan walaupun dunia mengutuknya.

Apa yang dimaksudkan oleh Datuk Seri Tragedi 11 September secara kebetulan?

Ramai orang beranggapan bahawa kerana Tragedi 11 September negara lain juga mula faham kenapa Malaysia harus bertindak tegas terhadap keganasan.

Lain-lain negara sekarang ini mula mengambil langkah serupa. Mereka dipaksa untuk menerima bahawa dalam keadaan tertentu mereka juga harus bertindak seperti apa yang dilakukan oleh Malaysia.

Datuk Seri berkata Malaysia bukanlah negara demokrasi liberal. Apakah bentuk demokrasi ini?

Malaysia adalah negara demokrasi dalam erti kata bahawa suara majoriti diambil kira. Perkara penting mengenai demokrasi ialah kerajaan dipilih rakyat. Tetapi ada beberapa perkara ditambah terhadap demokrasi. Hak individu dan minoriti boleh diambil kira sehinggakan di mana hak individu

dan minoriti boleh mengatasi hak majoriti. Contohnya, jika golongan minoriti ingin mengadakan demonstrasi setiap hari, kehidupan golongan majoriti akan terancam. Dalam demokrasi liberal kita akan dipaksa untuk menerima hak individu. Di sini kita tidak menganggapnya sebagai hak demokratik. Kami menganggap hak majoriti sebagai jika tidak lebih, lebih penting daripada hak minoriti dan individu. Tetapi, sudah tentu ini tidak

bermakna bahawa majoriti harus menekan minoriti sehingga ke tahap ia menjadi tidak adil.

Datuk Seri menyatakan Malaysia sebagai sebuah 'negara Islam'. Apakah yang membuatnya begitu?

Ini disebabkan di Malaysia orang Islam bebas melaksanakan tanggungjawabnya tanpa sebarang halangan. Tidak ada yang menghalang mereka daripada melaksanakan apa yang diperintahkan oleh ajaran Islam. Kerajaan bertindak adil terhadap semua komuniti dan agama kerana ia juga sebahagian daripada ajaran Islam. Di dalam negara Islam mesti ada keadilan - bukan saja kepada orang Islam tetapi semua orang. Ini semua membuatkan Malaysia sebuah negara Islam yang sebenarnya.

Datuk Seri telah membuat sasaran untuk menukar Malaysia kepada negara perindustrian menjelang 2020. Adakah Datuk Seri masih menjangka ini dapat dicapai?

Bukan sebuah negara perindustrian. Kami bercakap mengenai negara membangun dan kami sentiasa menekankan perkara ini, negara membangun mengikut acuan kami sendiri, tafsiran kami.

Bagaimana Datuk Seri mendefinisikannya?

Beberapa negara sudah maju tetapi moral mereka sudah menurun. Mereka mungkin kaya tetapi mereka mementingkan kekayaan material tanpa mengambil kira kebajikan dan prihatin terhadap golongan miskin. Mereka taksub kerana mereka bebas sehingga menafikan kebebasan orang lain. Dari satu segi mereka menekan negara lain dan kaum lain. Ini bukanlah jenis negara maju yang kami rangkakan untuk menjadi pada tahun 2020.

Bolehkah Datuk Seri sebut beberapa negara yang Datuk Seri tidak

bercadang untuk mengambil contoh?

Saya tidak akan beritahu... (sambil ketawa)

Bilakah tambatan ringgit akan ditarik balik?

Kita sentiasa sebutkan bahawa tambatan ringgit akan diteruskan selama mana ia tidak memberi kesan tidak baik kepada ekonomi kami. Sekarang ini jika negara jiran kami mengurangkan nilai sebagai 20 peratus atau menambah

nilai sebanyak 20 peratus dan nilai itu berterusan untuk jangka masa lama serta memberi kesan kepada persaingan kita, jadi kita mungkin mempertimbangkan menukar tambatan ini.

Tetapi setakat ini perkara itu tidak berlaku. Dan tambatan ringgit yang

kita laksanakan memberikan kita kelebihan terhadap semua pesaing kita kerana mereka yang melabur di negara ini tahu mereka boleh membuat belanjawan dan pada hujung tahun mereka tidak perlu menimbangkan turun naik nilai mata wang.

Adakah mereka perlu bimbang terhadap pengenalan semula kawalan modal?

Tidak, mereka tidak perlu risau mengenai ini. Kerana kita tahu bahawa mereka akan mengalami kerugian jika mereka melakukan sesuatu yang di luar

jangkaan ekonomi negara ini. Selain itu kita tidak terlalu bergantung kepada pelabur asing di negara ini. Kebanyakan pelabur datang dari dalam negara sendiri.

Adakah Datuk Seri membayangkan senario sekarang yang mana kawalan modal

perlu diperkenalkan semula?

Tidak, saya tidak fikir. Saya tidak nampak apa-apa. Kali terakhir ia dimulakan oleh penyusutan nilai mata wang kami, yang diikuti dengan saham

yang dibeli pelabur asing susut nilai. Mengatasi kebimbangan bahawa penurunan nilai saham akan berterusan, mereka menarik balik pelaburan yang

mana sudah tentu menimbulkan banyak masalah kepada ekonomi kita.

Adakah Malaysia cuba untuk merebut peranan Singapura sebagai pusat komersial utama di rantau ini?

Ia adalah persaingan yang sihat. Tidak ada sebab mengapa Malaysia tidak

harus cuba untuk bersaing dengan Singapura dalam mana-mana bidang. Kita berhak untuk bersaing dengan Singapura sebagaimana Singapura berhak untuk

bersaing dengan Malaysia. Pada masa lepas mereka mempunyai kelebihan, Tetapi kita membina kekuatan dan sekarang mungkin kita berada dalam kedudukan untuk bersaing dalam beberapa perkara.

Tetapi kelihatannya seperti ada usaha Malaysia untuk bersaing hebat dengan Singapura. Datuk Seri pernah dipetik sebagai berkata terdapat lebih

daripada satu cara untuk mengatasi (to skin) Singapura. Adakah ini yang Datuk Seri ingin lakukan?

Pertama, saya tidak berkata to skin Singapore (mengatasi Singapura). Saya berkata terdapat banyak cara untuk (skin a cat), kenyataan biasa. Kami mempunyai beberapa masalah dengan Singapura. Singapura ialah pusat perkhidmatan, yang menggunakan, mungkin disebabkan kurangnya kecekapan Malaysia untuk memperoleh kelebihan pada dirinya sendiri. Sebagai tambahan, kita mempunyai beberapa masalah kecil seperti air yang mana

Singapura berkeras bahawa perjanjian yang dibuat pada tahun 1927 harus diteruskan untuk lebih 100 tahun.

Adalah tidak munasabah Singapura harus membeli air dari Malaysia pada harga 3 sen (kurang dari satu sen dolar Amerika) untuk 1,000 galen pada tahun 1927 dan terus membeli pada harga berkenaan hari ini dan pada masa akan datang. Tiada yang dijual pada harga 3 sen pada tahun 1927 dijual pada harga 3 sen sekarang. Kami meminta ia disemak semula.

Malangnya, peraturan yang dibuat oleh British - pada masa itu British mengawal Singapura dan (negeri jirannya yang berada di Malaysia) Johor - memberi kelebihan kepada Singapura. Tiada semakan semula harga boleh dibuat melainkan kedua-dua pihak bersetuju. Singapura terus membiarkannya

tergantung kerana sekiranya mereka tidak bersetuju, kami tidak boleh melaksanakan sebarang kenaikan kadar.

Adakah Datuk Seri menjangka mempercepatkan isu berkaitan Singapura - ruang udara, air dan masalah sempadan - akan dapat diselesaikan atau disusun sebelum Datuk Seri meletak jawatan?

Tidak, saya tidak fikir (ia akan dapat diselesaikan).